



TEKS UCAPAN

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man,
Menteri Alam Sekitar dan Air

**MAJLIS PERASMIAN MALAYSIAN RECYCLING ALLIANCE
(MAREA)**

Setia City Convention Centre

21 Januari, 2022 | 10.00 pagi

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Keluarga Malaysia

YB Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Abd Mutalib

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tuan Yang Terutama Andreas Launer

Duta Besar Austria ke Malaysia

Tuan Yang Terutama Roland Galharague

Duta Besar Perancis ke Malaysia

Yang Berusaha Juan Aranols,

Pengerusi Malaysian Recycling Alliance Berhad (MAREA)

Para peneraju industri dan perintis MAREA

Para Pegawai Kementerian Alam Sekitar dan Air,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia yang dicurahkan kepada kita semua sehingga ke hari ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan seluruh sahabat *radiyallahu'anhum*.

2. Bagi pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput KASA ke majlis yang amat bermakna pada hari ini. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran YB Timbalan Menteri dan para pegawai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke majlis ini.

3. Saya memulakan ucapan pada pagi ini dengan memetik sepotong firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat yang kedua;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا

تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya, *“Dan tolong-menolonglah kamu dalam urusan kebaikan dan ketakwaan. Dan janganlah kami tolong menolong dalam urusan dosa dan permusuhan. Bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah akan memberikan balasan yang keras”*

4. Ayat al-Quran ini memerihalkan perbuatan murni, tolong-menolong dalam melaksanakan kerja kebaikan. Skop kebaikan amat luas termasuk memakmur bumi dan melestari alam sekitar. Kebanyakan amal kebaikan ini termasuk dalam kategori ibadah am dan insya-Allah akan diberi pahala setimpal kepada mereka yang ikhlas melaksanakannya.

5. Agenda pelestarian alam sekitar bukan hanya tugas Kementerian Alam Sekitar dan Air sahaja. Bahkan, ia merupakan tanggungjawab kita bersama dalam kalangan Keluarga Malaysia yang terdiri daripada para penggubal dan pelaksana dasar, pihak penguatkuasa, ahli akademik dan pemain industri. Kerjasama erat antara semua pihak akan menjamin alam sekitar dan air yang lebih bersih, sihat dan selamat. Insyallah.

6. Saya berbesar hati merakamkan ucapan tahniah atas penganjuran Majlis Pelancaran Malaysian Recycling Alliance (MAREA) pada hari ini. Penubuhan dan pengoperasian MAREA menandakan pembentukan satu kumpulan Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (Extended Producer Responsibility atau EPR) yang pertama di Malaysia.

7. Ia adalah hubungan antara pengeluar dan pemilik jenama barangan pengguna atau *fast moving consumer goods* (FMCG) utama di negara ini yang meletakkan misi besar untuk menerajui agenda kelestarian alam sekitar di Malaysia. MAREA merupakan inisiatif proaktif dan tepat pada masanya untuk menangani isu sisa pasca pengguna termasuklah plastik yang menjadi fokus KASA, sekarang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Tindakan kolektif amat penting dan segera untuk pelestarian alam sekitar. Bencana banjir yang berlaku harus dijadikan iktibar dan membuka mata kita semua terhadap ancaman perubahan iklim. Salah satu langkah kritikal yang mesti dilaksanakan untuk mentransformasi Malaysia ke arah negara pelepasan sifar bersih seawal tahun 2050.

9. Laporan yang diterbitkan oleh *Worldwide Fund for Nature* (WWF) meletakkan Malaysia di kedudukan kedua di Asia bagi aspek penggunaan plastik per kapita tahunan. Mengunjurkan jumlah populasi Malaysia yang akan melebihi 35 juta menjelang tahun 2025, kita perlu berusaha untuk meminimumkan penggunaan plastik sekali guna secara drastik. Malah, kita mesti menghentikan amalan pembuangan plastik pasca pengguna yang sebenarnya masih bernilai tinggi.

10. Walaupun sektor pengangkutan direkodkan antara penyumbang pembebasan gas rumah hijau yang tinggi, tanpa kita sedari, sebenarnya penghasilan dan penggunaan plastik pembungkus yang digunakan dalam pelbagai produk harian termasuk makanan, minuman, penjagaan diri dan barangan isi rumah turut membebaskan gas rumah hijau pada kadar signifikan dan secara langsung mempengaruhi perubahan iklim.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. KASA sangat komited mencari solusi mampan untuk membangun negara demi kesejahteraan rakyat. Salah satu usaha mencapai matlamat Malaysia Lestari 2030, teras strategik yang dikenal pasti dalam Rangka Kerja Pelestarian Plastik 2021-2030 adalah untuk melaksanakan inisiatif EPR mandatori dan mencapai kadar kitar semula sebanyak 25% untuk pembungkusan plastik pasca pengguna menjelang tahun 2025.

12. KASA menyokong dan mengalu-alukan tindakan proaktif MAREA dan inisiatif sukarela yang sejajar dengan visi dan matlamat digariskan dalam Rangka Kerja Pelestarian Plastik 2021-2030. MAREA merupakan salah satu contoh terbaik dalam usaha sama ke arah pelestarian alam sekitar dengan memanfaatkan kepakaran, pengetahuan dan mobiliti sumber semua pihak terlibat. KASA amat berharap agar inisiatif MAREA memberikan inspirasi kepada pemain industri yang lain untuk merintis ke hadapan untuk mencapai misi yang sama.

13. Kombinasi pelbagai pemegang taruh ini akan mewujudkan ekonomi kitaran yang kukuh dan memastikan Malaysia di atas landasan betul ke arah masa depan yang lebih mampan. Saya menjemput agensi kerajaan yang lain khususnya KPKT untuk turut bersama memastikan matlamat Rangka Kerja Pelestarian Plastik 2021-2030 dicapai dengan cemerlang.

14. KASA bersedia memberikan sokongan penuh kepada semua pihak dalam menggembelng usaha ke arah pelestarian alam sekitar di Malaysia. Kita sedar sasaran pelaksanaan ekonomi kitaran tidak akan dicapai tanpa sinergi daripada pelbagai pihak.

15. Akhir kata, dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya amat berbesar hati merasmikan penubuhan **Malaysian Recycling Alliance (MAREA)**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.